

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 2 APRIL 2016 |

Dr. M perlu bertanggungjawab

KUALA LUMPUR 2 April - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad digesa supaya bertanggungjawab terhadap prestasi kewangan Proton Holdings Bhd. (Proton) yang kini berada dalam keadaan tenat.

Pengarah Strategik Komunikasi Barisan Nasional (BN), **Datuk Abdul Rahman Dahlan** berkata, Dr. Mahathir perlu tampil ke hadapan dan menjawab mengapa pengeluar kereta nasional itu berada dalam masalah kewangan serius walaupun berbilion ringgit wang rakyat telah dilaburkan ke dalam syarikat itu.

Katanya, sejumlah RM13.9 bilion telah disalurkan kepada Proton sejak 1983.

"Proton berada dalam masalah serius dan memerlukan berbilion-bilion. Tun mesti bertanggungjawab terhadap kegagalan amat besar dari segi idea dan mem-pengerusikan Proton," katanya dalam beberapa siri catatan di akaun Twitternya hari ini.

Abdul Rahman yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO memberitahu, 'cerita seram' campur tangan bekas Perdana Menteri itu dan 'gaya kepimpinan diktator' secara perlahan-lahan sedang mula diperkatakan di dalam Proton berikutan peletakan jawatannya.

Sehubungan itu, beliau turut meminta pemegang saham dan ahli



RAHMAN DAHLAN



HAMZAH ZAINUDDIN

lembaga pengarah Proton mesti berani untuk menangani sebarang masalah warisan yang ditinggalkan oleh bekas Pengerusi.

"Dalam erti kata lain, Proton perlu serius dan tidak takut untuk membuang budaya pekak, bisu dan buta dalam Proton," katanya.

Khamis lalu, Dr. Mahathir mengumumkan peletakan jawatan sebagai Pengerusi Proton dan Pengerusi Group Lotus plc. yang merupakan anak syarikat milik penuh Proton.

Susulan itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed pula mendedahkan terdapat beberapa ketika Proton dilihat tidak bersikap profesional dalam membuat keputusan kewangan daripada kerajaan.

Mengulas isu yang sama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri,

um - 2/4/2016
Koperasi dan Kepenggunaan, **Datuk Seri Hamzah Zainuddin** berkata, Proton perlu melakukan anjakan perubahan kerana idea-idea Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak lagi dapat memajukan syarikat kereta nasional itu walaupun kerajaan menyumbangkan sebanyak RM13.9 bilion sejak penubuhannya pada tahun 1983.

Kata beliau, sudah tiba masanya Proton diterajui oleh orang baharu yang memiliki inovasi dan kreativiti, sekali gus mampu menerapkan teknologi baharu bagi meneruskan legasi syarikat itu dalam bidang automotif.

Sementara itu, Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, **Khairul Azwan Harun** berkata, pihaknya mendesak Dr. Mahathir dan lembaga pengarah menjawab persoalan kegagalan pembuat kereta nasional tersebut yang masih gagal berdaya saing dan berdikari.

"Apa yang terjadi dengan pelan pemulihan Proton selepas diambil alih? Sepatutnya Tun Mahathir dan lembaga pengarah juga perlu telus dengan ribuan warga kerja Proton yang telah meletakkan harapan yang tinggi kepada mereka," katanya.